

UMPAN

KHAMIS | 8 FEBRUARI 2018 | umpan@sinarharian.com.my | Oleh: Ahmad Suhaimi Ismail

mls

menarik

Panduan mengendalikan
ikan tangkapan

MSB

Kerapu hitam idaman lautan Andaman

TRIP ANTARABANGSA

Kan Tang, sebuah daerah di wilayah Trang, selatan Thailand bukan sahaja popular dengan eko pelancongan, malah turut menjadi destinasi tersohor bagi kaki pancing domestik dan juga luar negara. Malah pancingan laut dalam di Kan Tang turut tercatat dalam kalender trip ramai pemancing dari Malaysia.

Kan Tang yang terletak di pesisir Laut Andaman sememangnya padang pancing idaman kaki pancing tanah air yang berhajat untuk menduga ikan-ikan mega bernilai tinggi. Terutamanya ikan kerapu

hitam gergasi atau *giant black grouper* dan *rubby snapper*. Ikan yang hanya ditemui di perairan kedalaman melebihi 150 meter dan tidak akan ditemui di perairan Selat Melaka.

Kebiasaan musim memancing di sini bermula dari bulan September sehingga bulan Mac pada setiap tahun. Justeru ia menjadi lapangan alternatif kepada penggemar pancingan laut dalam di Laut China Selatan yang sedang berhadapan dengan monsun Timur Laut atau musim tengkujuh.

>> cerita penuh di muka surat 2

